



## PROMOSI "HONG LEONG CONNECT WEALTH: FORTUNER CAMPAIGN"

Kemaskini terakhir: 18 Disember 2024

### **TEMPOH PROMOSI**

Promosi "Hong Leong Connect Wealth: Fortuner Campaign" ("Promosi") yang dianjurkan oleh Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) ("HLB") dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144) (686191-W) ("HLISB") (secara kolektif dirujuk sebagai "Bank") bermula pada 6 Januari 2025 jam 00:00:00 (12:00 pagi) dan berakhir pada 12 Februari 2025 jam 12:00:00 (12:00 tengah hari) termasuk kedua-dua tarikh tersebut ("Tempoh Promosi"), kecuali dinyatakan sebaliknya dalam syarat ini atau dimaklumkan secara berasingan.

### **TERMA & SYARAT**

Berikut adalah terma dan syarat yang terpakai untuk Promosi ini ("Terma & Syarat"):

### **KELAYAKAN**

- Promosi ini terbuka kepada semua pelanggan individu HLB yang baru atau sedia ada ("Pelanggan") yang mempunyai akses ke HLB Connect Online ("HLB Connect Online") dengan Akaun Semasa atau Simpanan HLB / Akaun Semasa atau Simpanan-i HLISB ("Akaun CASA/CASA-i Individu").
- Untuk menyertai Promosi ini, Pelanggan mestilah memenuhi kriteria berikut:
  - Individu yang bukan Warganegara Amerika Syarikat menurut FATCA (Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing Amerika Syarikat); dan
  - Melanggan unit amanah (seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah) melalui HLB Connect Online ("Unit Amanah") sepanjang Tempoh Promosi.

Pelanggan yang memenuhi semua keperluan yang dinyatakan di bawah Klausa 2 di atas akan dirujuk sebagai "Pelanggan Layak".

### **KAEDAH PROMOSI**

- Dalam promosi ini, Pelanggan Layak yang melanggan dan/atau menambah pelaburan Unit Amanah (seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah) melalui HLB Connect Online dengan mendebitkan CASA/CASA-I Individu Pelanggan Layak, dalam Tempoh Promosi, akan layak untuk Caj Jualan Promosi ("Caj Jualan Promosi") yang dinyatakan di bawah, dengan syarat jumlah pelaburan per transaksi ("Jumlah Pelaburan") memenuhi jumlah pelaburan yang tepat seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah, dan tertakluk kepada terma dan syarat lain yang terkandung dalam dokumen ini.

**Jadual 1: Kaedah Promosi**

Amanah Saham	Saluran Langganan	Caj Jualan Promosi	Jumlah Pelaburan
Boleh digunakan untuk semua dana Unit Amanah yang tersedia di HLB Connect Online yang memenuhi syarat berikut: <ol style="list-style-type: none"><li>Membenarkan langganan dan/atau Penambahan dengan Jumlah Pelaburan yang tepat seperti yang dinyatakan di bawah lajur "Jumlah Pelaburan"</li><li>Mempunyai caj jualan permulaan yang lebih tinggi daripada yang dinyatakan di bawah lajur "Caj Jualan Promosi".</li></ol>	HLB Connect Online	1.18% Caj Jualan	RM288 setiap transaksi*
		0.88% Caj Jualan	RM1,088 setiap transaksi*



Nota \* Caj Jualan Promosi yang terpakai akan ditolak daripada jumlah tersebut.

4. Sekiranya Jumlah Pelaburan setiap transaksi berbeza daripada yang dinyatakan dalam Jadual 1 di atas, pelaburan tersebut tidak layak untuk Caj Jualan Promosi. Dalam keadaan sedemikian, caj jualan biasa yang terpakai akan dikenakan ke atas jumlah pelaburan penuh.

Senario di bawah menunjukkan cara kelayakan Caj Jualan Promosi berfungsi:

**Senario A:**

Encik A melanggan TA Global Technology Fund (TA05) dengan Jumlah Pelaburan sebanyak RM288 setiap transaksi melalui Hong Leong Connect Online.

Dana Unit Amanah yang Dilanggan	Tarikh Transaksi	Jumlah Pelaburan	Kelayakan Caj Jualan Promosi (Ya/Tidak)	Ulasan
TA GLOBAL TECHNOLOGY FUND (TA05)	10 Januari 2025	RM288	Ya	Encik A layak untuk Caj Jualan Promosi sebanyak 1.18%

**Scenario B:**

Puan B melanggan TA Global Technology Fund (TA05) dengan Jumlah Pelaburan sebanyak RM1,088 setiap transaksi melalui Hong Leong Connect Online.

Dana Unit Amanah yang Dilanggan	Tarikh Transaksi	Jumlah Pelaburan	Kelayakan Caj Jualan Promosi (Ya/Tidak)	Ulasan
TA GLOBAL TECHNOLOGY FUND (TA05)	30 Januari 2025	RM1,088	Ya	Puan B layak untuk Caj Jualan Promosi sebanyak 0.88%

**Scenario C:**

Encik C melanggan TA Global Technology Fund (TA05) dengan Jumlah Pelaburan sebanyak RM300 setiap tranksaksi melalui Hong Leong Connect Online.

Dana Unit Amanah yang Dilanggan	Tarikh Transaksi	Jumlah Pelaburan	Kelayakan Caj Jualan Promosi (Ya/Tidak)	Ulasan
TA GLOBAL TECHNOLOGY FUND (TA05)	1 Februari 2025	RM300	Tidak	Encik C tidak membuat Jumlah Pelaburan yang tepat seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1, oleh itu beliau tidak layak untuk Caj Jualan Promosi. Dalam keadaan sedemikian, caj jualan biasa yang terpakai akan dikenakan.

5. Sekiranya sebarang pelaburan Unit Amanah yang dibuat oleh Pelanggan Layak ditolak atau dibatalkan oleh mana-mana pihak atas sebarang sebab, Jumlah Pelaburan akan dikreditkan ke dalam akaun penyelesaian Pelanggan Layak tersebut mengikut Terma dan Syarat yang terpakai untuk dana Unit Amanah yang berkaitan.
6. Bagi mengelakkan sebarang kekeliruan, untuk tujuan Promosi ini, tertakluk kepada terma dan syarat lain yang dinyatakan di sini, hanya langganan Unit Amanah dan/atau penambahan Unit Amanah yang dilakukan melalui HLB Connect Online sepanjang Tempoh Promosi yang layak untuk Caj Jualan Promosi.

## **UMUM**

7. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan Layak:
  - (i) mengesahkan bahawa mereka telah membaca dan memahami Terma dan Syarat dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat di sini, Terma dan Syarat Am Akaun, serta mana-mana terma dan syarat lain yang mungkin dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa melalui pemberitahuan kepada pelanggan;
  - (ii) bersetuju bahawa semua rekod pematuhan keperluan kelayakan yang direkodkan oleh sistem Bank dalam Tempoh Promosi akan menjadi muktamad;
  - (iii) bersetuju bahawa keputusan HLB mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Promosi akan menjadi muktamad, konklusif dan mengikat ke atas Pelanggan Layak;
  - (iv) bersetuju untuk mengakses laman web HLB di ([www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my)) ("Laman Web HLB") pada selang masa yang tetap untuk melihat Terma dan Syarat Promosi dan memastikan mereka sentiasa dikemas kini mengenai sebarang perubahan atau variasi pada Terma dan Syarat;
  - (v) bersetuju bahawa manfaat yang diperoleh daripada Caj Jualan Promosi adalah/tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan kredit awal, cek atau manfaat dalam bentuk lain; dan
  - (vi) bersetuju untuk bertanggungjawab dan akan menanggung sendiri semua cukai yang terpakai, yuran kerajaan atau sebarang caj lain yang mungkin dikenakan ke atas mereka di bawah undang-undang yang terpakai, jika ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Promosi.
8. HLB berhak:
  - (i) Dengan pemberitahuan terlebih dahulu, untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah mana-mana atau semua Terma dan Syarat yang terkandung di sini sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya atau menamatkan Promosi dengan cara menyatakan pemberitahuan di Laman Web HLB;
  - (ii) Untuk mendiskualifikasi mana-mana Pelanggan Layak atau menolak untuk menawarkan Caj Jualan Promosi sekiranya terdapat sebarang ketidakpatuhan oleh Pelanggan Layak terhadap Terma dan Syarat di sini, Terma dan Syarat Am Akaun, Terma dan Syarat yang berkaitan dengan HLB Connect Online, dan/atau Terma dan Syarat yang terpakai kepada dana Unit Amanah yang berkaitan atau pengesahan penipuan atau pelanggaran; dan
  - (iii) Untuk mengenakan caj jualan biasa yang terpakai yang telah dikurangkan oleh HLB (iaitu, menghendaki Pelanggan Layak membayar kepada HLB bagi perbezaan antara Caj Jualan Promosi dan caj jualan biasa yang terpakai kepada dana unit amanah yang berkaitan) sekiranya terdapat sebarang pengesahan penipuan, penyalahgunaan, atau pelanggaran terhadap Terma dan Syarat di sini atau mana-mana terma dan syarat yang disebutkan di atas.
9. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat di sini dan mana-mana bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain yang berkaitan atau berhubung dengan Promosi, Terma dan Syarat muktamad di Laman Web HLB akan diutamakan.
10. Terma dan syarat yang mengawal transaksi dalam Unit Amanah yang dipilih adalah seperti yang dinyatakan dalam Prospektus terkini yang berkaitan dan Prospektus Tambahan (jika ada) yang telah didaftarkan dan diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan akan dikawal serta diatur mengikut Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (seperti yang dipinda) serta garis panduan dan arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan.
11. Terma dan Syarat di sini akan dikawal oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pelanggan Layak bersetuju untuk tunduk kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.
12. Perkataan yang menunjukkan satu jantina merangkumi semua jantina lain dan perkataan yang menunjukkan bentuk tunggal merangkumi bentuk jamak dan sebaliknya.



**NOTA PENTING:**

Promosi ini bukan bertujuan sebagai jemputan atau tawaran untuk melanggan Unit Amanah, dan ia tidak dianggap sebagai permintaan oleh Bank untuk langganan Unit Amanah oleh sesiapa. Pelabur dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan prospektus sebelum melabur. Pelabur harus mengambil maklum bahawa terdapat yuran dan caj yang terlibat dalam pembelian Unit Amanah. Pelabur dinasihatkan untuk mempertimbangkan yuran dan caj yang terlibat sebelum melabur dan berunding dengan penasihat kewangan berlesen Bank atau penasihat profesional lain, jika terdapat keraguan mengenai mana-mana ciri atau sifat dana tersebut. Sila ambil perhatian, harga unit dan dividen yang dibayar, jika ada, mungkin naik atau turun. Prestasi masa lalu sesuatu dana bukan petunjuk prestasi masa depannya. Pulangan daripada pelaburan Unit Amanah tidak dijamin dan Unit Amanah tidak merupakan deposit bank atau kewajipan yang dijamin oleh Bank serta tertakluk kepada risiko pelaburan, termasuk kemungkinan kehilangan jumlah modal yang dilaburkan.

Hong Leong Bank adalah ahli PIDM. Pelaburan Unit Amanah tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM").

Mana-mana wang yang dikeluarkan daripada deposit yang diinsuranskan untuk tujuan membeli mana-mana unit dalam skim unit amanah tidak lagi dilindungi oleh PIDM.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai Terma dan Syarat ini, sila emel kepada kami di [hlonline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlbb.hongleong.com.my).